



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	22/10/2019	MUKA SURAT	: 45
JABATAN	:	JPS / JPSM / JKPTG		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Sultan Nazrin rasmi Program Restorasi Tebing Sungai Perak

**Kuala Kangsar:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Program Restorasi Tebing Sungai Perak (PRTSP) sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat negeri 2019 di Kampung Sayong Tebing di sini, semalam.

Pada majlis itu, baginda berkenan melawat gerai pameran pelbagai agensi selain melakukan simbolik penanaman anak pokok merbau berhampiran kawasan tebing sungai.

Baginda turut melakukan gimik penyerahan 1,000 anak pokok yang akan ditanam di jajaran Sungai Perak kepada Pegawai Daerah Kuala Kangsar, Ahmad Munir Ishak, selain penyerahan sijil Program Bantuan Peningkatan Ekonomi B40 dan penghargaan kepada Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Lekir Sitia-wan, Manjung dan Kuala Gula.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, dalam ucapannya, berkata program berkenaan membabitkan kerjasama strategik antara Jabatan Perhutanan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri.

Ia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu berkaitan pengurusan, pentadbiran, pe-



**Sultan Nazrin menyiram pokok merbau pada PRTSP sempena Hari Hutan Antarabangsa peringkat negeri di Kampung Sayong Tebing, Kuala Kangsar, semalam.**

(Foto Abdullah Yusof/BH)

meliharaan, penguatkuasaan dan pembangunan hutan dan alam sekitar.

“Pemilihan lokasi sambutan ini selaras usaha membangunkan Taman Botani Diraja (TBD) Kuala Kangsar di kawasan itu yang akan menjadi TBD pertama di Perak yang turut membabitkan tanaman pelbagai jenis pokok di kawasan tebing

Sungai Perak sepanjang jajaran berkeluasan lima kilometer,” katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri merangka pelbagai inisiatif bagi membantu masyarakat Orang Asli, antaranya menerusi Skim Intensif Penjualan Anak Pokok yang diselenggarakan Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Perak dan Kedah.